

ANUGERAH MEDIA
PEMBINAAN CIDB 2017

MAJLIS PECAH TANAH
JAMBATAN BAGAN DATUK

PERASMIAN JAMBATAN
SUNGAI RIMBAS

SEPTEMBER - DISEMBER 2017


BINA 03

KEMENTERIAN KERJA RAYA

JALAN PINTASAN **RAWANG**

KEJURUTERAAN UNIK JALAN RAYA,
KELESTARIAN FLORA FAUNA

ISSN 2600-8610



9 772600 861008

www.kkr.gov.my

KANDUNGAN BINA 03

SEPTEMBER - DISEMBER 2017



FOKUS

04 — JALAN PINTAS RAWANG
MENJIMATKAN MASA DAN
MEMELIHARA ALAM SEKITAR

05 — INFOGRAFIK JALAN PINTAS
RAWANG

BERITA

03 — JAMBATAN BAGAN DATUK
MEMBERI MANFAAT 70 RIBU
PENDUDUK DUA DAERAH

06 — JAMBATAN SUNGAI RIMBAS
MEMANFAATKAN PENDUDUK
BETONG, SARAWAK

LENSA

07 — 09

12 — 17

KHAS

10 — ANUGERAH MEDIA PEMBINAAN
CIDB 2017 IKTIRAF PERANAN MEDIA
PEMBINAAN

MEDIA SOSIAL

18 — LAPORAN

AKHBAR

19 — KERATAN AKHBAR

JAMBATAN BAGAN DATUK MEMBERI MANFAAT 70 RIBU PENDUDUK DUA DAERAH

BAGAN DATUK, 28 Oktober 2017

Penduduk sekitar Daerah Bagan Datuk dan Daerah Perak Tengah seramai 70,300 orang bakal mendapat manfaat secara langsung apabila sebuah jambatan dibina bagi menghubungkan kedua-dua daerah tersebut merentasi Sungai Perak hasil peruntukan Kerajaan Pusat dibawah Rolling Plan I (RP I), Rancangan Malaysia Ke-11 (RMKe-11).

Majlis telah dirasmikan oleh Timbalan Perdana Menteri Malaysia YAB Dato' Sri Ahmad Zahid bin Hamidi. Bersama-sama hadir di tapak projek tersebut iaitu Timbalan Menteri Kerja Raya YB Datuk Rosnah Binti Abdul Rashid Shirlin berserta Menteri Besar Perak Datuk Seri DiRaja Dr. Zambry Abdul Kadir.



02

01 YAB Timbalan Perdana Menteri melancarkan simbolik pecah tanah projek

02 Barisan tetamu kehormat yang turut hadir

Jambatan tersebut dibina dengan piawai R5 sepanjang 1.5 kilometer (km) dan kelebaran 14 meter dengan 2 lorong 2 hala. Turut terdapat dalam skop projek ini ialah jalan tuju ke jambatan dengan piawai R5 (2 lorong 2 hala) sepanjang 8.7 km, 3 jambatan baru di sepanjang jalan utama, sistem pembentungan dan saluran di sepanjang jalan utama. Selain itu, persimpangan lampu isyarat di laluan FT069 (Bagan Datuk) dan persimpangan di laluan FT005 (Kampung Sejangop) turut bakal dibina bagi melancarkan aliran trafik semasa.

Projek bernilai RM446.9 juta ini dijangka siap pada Julai 2020 dan menjadi laluan alternatif yang menjimatkan masa perjalanan dan kos bahan api kenderaan dimana penjimatan masa perjalanan adalah daripada 1 jam kepada 15 minit manakala penjimatan jarak perjalanan pula daripada 50km (melalui FT069 dan FT005) kepada 10.2km.

01



JALAN PINTAS RAWANG MENJIMATKAN MASA DAN MEMELIHARA ALAM SEKITAR

SELANGOR, 28 November 2017

Satu mercu tanda unik dalam sejarah pembinaan jalan raya di Malaysia iaitu Jalan pintas Rawang telah dirasmikan pembinaannya oleh Menteri Kerja Raya, Dato' Sri Hj Fadillah Hj Yusof.

Jalan pintas sepanjang 9 kilometer dari Rawang ke Serendah ini ialah pembinaan struktur tiang tertinggi di Malaysia dengan ketinggian 58.2 meter daripada aras tanah bertujuan menyediakan laluan kepada haiwan melintas seterusnya mengelakkan kemalangan selain faktor kelestarian alam sekitar.

Jalan pintas dua lorong dua hala ini membantu mengurangkan kesesakan jalan raya yang begitu lama dihadapi penduduk kawasan Rawang, Serendah, dan Hulu Selangor dengan masa perjalanan dipendekkan daripada 2 jam ke 30 minit seterusnya menjimatkan kos bahan api kenderaan.




Pembinaan Jalan Pintar Rawang (atas) membantu menyuraikan kesesakan trafik Jalan sedia ada (FT01)

Untuk memastikan projek ini mesra alam, Jabatan Kerja Raya (JKR) dan Unit Perancang Ekonomi (EPU) bersetuju untuk meminimalkan kerja-kerja penambakan dan pemotongan cerun. Aspek pemeliharaan hutan Taman Warisan dan alam sekitar amat dititikberatkan dengan penebangan pokok di tahap minima, laluan sungai sedia ada dikekalkan dan perangkap kelodak kekal juga akan dibina. Peletupan batu dijalankan secara 'control blasting' dan berjadual.

Antara faedah-faedah lain ialah pengguna dapat menyaksikan keindahan dan kecantikan Hutan Lipur Kanching yang terpelihara dan terjaga selain menjadi pemangkin pembangunan di masa hadapan terutamanya bagi kawasan Serendah dan Hulu Selangor..

JALAN PINTAS RAWANG

PELAN LOKASI



IMPAK PROJEK KEPADA RAKYAT





JAMBATAN SUNGAI RIMBAS MEMANFAATKAN PENDUDUK BETONG, SARAWAK

SARAWAK, 11 DISEMBER 2017



Pembinaan Jambatan Sungai Rimbas, Pusa, Bahagian Betong, Sarawak adalah satu inisiatif kerajaan ke arah meningkatkan lagi infra rakyat sekaligus untuk memendekkan masa perjalanan dari Kampung Pusa, Kampung

327 meter ini, ianya akan memudahkan 60 ribu penduduk setempat menjalankan aktiviti harian.

Pembinaan jambatan ini dapat memendekkan perjalanan dari Pusa Lama ke Betong (selatan) sejauh 10km iaitu penjimatan masa sebanyak 10 minit. Manakala jika perjalanan dari Pusa Lama ke Sarikei (utara), dapat memendekkan perjalanan sejauh 30km dengan penjimatan masa perjalanan kira-kira 30 minit. Bagi memastikan keselamatan pengguna jambatan ini, Kementerian Kerja Raya bersama Jabatan Kerja Raya Sarawak juga telah menyempurnakan Road Safety Audit (RSA) untuk memastikan kesemua aspek keselamatan telah disemak dan dipatuhi.

Serabang dan Kampung Tuie dengan Pekan Pusa Baru, seterusnya bandar-bandar lain di Sarawak melalui jalan pesisir pantai.

Kerajaan Persekutuan telah meluluskan peruntukan sebanyak RM48 juta untuk projek ini yang telah dimulakan pembinaan pada bulan Jun 2013 dan dirasmikan pada hari yang bersejarah ini oleh YAB Ketua Menteri Sarawak, Datuk Patinggi (Dr) Abang Abdul Rahman Zohari Bin Tun Datuk Abang Haji Openg. Dengan siapnya jambatan sepanjang

01 YAB Ketua Menteri Sarawak mengetuai tetamu kehormat merasmikan pembukaan jambatan

02 Tinjauan ke atas jambatan yang siap dibina



Segambut, Kuala Lumpur

23 Oktober 2017

Jajaran Sri Damansara Link (SDL) Lebuhraya DUKE telah dibuka secara rasmi oleh Menteri Kerja Raya, YB Dato' Sri Haji Fadillah bin Haji Yusof



Papar, Sabah

11 November 2017

Lawatan Tapak Pakej WPC 05 (Papar-Donggongon) Projek Lebuhraya Pan Borneo Sabah sepanjang 11.7 kilometer dan dijangka siap pada 15 September 2019





Dewan Tan Sri Mahfuz Khalid, Kuala Lumpur

14 Oktober 2017

Hari Sukan Negara Peringkat Kementerian Kerja Raya merupakan inisiatif menjadikan Malaysia sebagai sebuah 'Negara Bersukan' (Sporting Nation).



Dewan Tan Sri Mahfuz Khalid

25 Oktober 2017

Hari Inovasi Kementerian Kerja Raya 2017 meraikan para pemenang pertandingan inovasi dan perkongsian ilmu bersama tokoh inovasi





Pusat Latihan Pengajar dan Kemahiran Lanjutan (CIAST), Shah Alam

6 Oktober 2017

Majlis Solat Hajat dan Penyampaian Amanat kepada 21 peserta Kontigen Negara ke Worldskills Competition (WSC) Abu Dhabi 2017



Malaysia Agro Exposition Park Serdang (MAEPS), Selangor

16 November 2017

Majlis Anugerah Tangan Emas Perdana Menteri 2017 diadakan bagi mengiktiraf pemenang-pemenang WorldSkills Malaysia

– Belia dan Pertandingan Kemahiran Dunia Abu Dhabi 2017



ANUGERAH MEDIA PEMBINAAN CIDB 2017 IKTIRAF PERANAN MEDIA PEMBINAAN

Anugerah Media Pembinaan CIDB 2017 (AMP 2017) merupakan satu pengiktirafan terhadap karya kewartawanan pembinaan tempatan terbaik tahunan membabitkan media cetak, elektronik dan online. AMP 2017 dianjurkan Kementerian Kerja Raya (KKR) dengan kerjasama Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) dan Malaysia Press Institute (MPI).

AMP dibahagikan kepada tiga kawasan liputan iaitu Semenanjung Malaysia yang dilangsungkan pada 13 Oktober 2017, Sabah pada 10 November 2017 dan Sarawak pada 18 November 2017. Setiap kawasan liputan melibatkan tiga kategori yang dipertandingkan iaitu Kategori Media Cetak (Berita & Rencana), Kategori Media Elektronik dan Online Broadcasting

(Berita & Rancangan) dan Kategori Fotografi. Setiap kategori menawarkan hadiah wang tunai terkumpul berjumlah RM90,000 untuk semua kawasan liputan termasuk sijil penyertaan dan trofi.

Peranan media sangat penting dalam memberikan pemahaman kepada masyarakat terhadap agenda transformasi nasional di bawah Program Transformasi Industri Pembinaan 2016-2020 (CITP) yang merupakan sebahagian daripada Rancangan Malaysia Ke-11.

ANUGERAH MEDIA PEMBINAAN (AMP) KUALA LUMPUR

14 Oktober 2017

Hotel Seri Pacific, Kuala Lumpur



ANUGERAH MEDIA PEMBINAAN SABAH

10 November 2017
Hotel Le Meridian, Kota Kinabalu



ANUGERAH MEDIA PEMBINAAN SARAWAK

18 November 2017
Hotel Pullman, Kuching





Pengerang, Johor

12 Disember 2017

Perasmian jalan baharu daripada FT92 ke Pusat Latihan Rekrut (PULAREK) disempurnakan oleh YAB Dato' Seri Haji Mohamed Khaled bin Nordin, Menteri Besar Johor bersama-sama YB Dato' Sri Haji Fadillah Yusof, Menteri Kerja Raya



Kuching, Sarawak

11 Disember 2017

Perjanjian MOA Projek Penyelidikan Lebuhraya atas Tanah Gambut antara CREAM dan LLM





**Dewan Tan Sri Mahfoz Khalid,
Kuala Lumpur**

26 September 2017

Perhimpunan Bulanan dan Perasmian Kod Etika
Kementerian Kerja Raya



**Hotel Sunway Putra,
Kuala Lumpur**

12 Oktober 2017

Quantity Surveying International
Convention 2017 (QSIC) kali ke-
16 berkongsi lima pembentangan
kertas kerja dirasmikan oleh
Menteri Kerja Raya, YB Dato'
Seri Fadillah Yusof





Kuala Lumpur

28 November 2017

Malam Anugerah Lembaga Arkitek Malaysia 2017 dan Pra Pelancaran Manual Akreditasi Program Rekabentuk Dalam anjuran Lembaga Arkitek Malaysia



Kuala Lumpur

20 November 2017

Pusat myBIM yang ditubuhkan oleh CIDB Malaysia bertujuan meningkatkan penggunaan Building Information Modelling (BIM) dirasmikan oleh Menteri Kerja Raya





**Dewan Sri Libaran,
Sandakan, Sabah**

12 November 2017

Seminar Pembangunan Kontraktor dan Perasmian Pejabat CIDB Cawangan Sandakan serta Penyerahan Projek Build Brigade



Seremban Negeri Sembilan

24 November 2017

Program Latihan Praktikal Dan Khidmat Masyarakat: Kerja-Kerja Baikpulih Dan Menaiktaraf Surau Al-Faizin, SK Wawasan Seremban 2 anjuran Bahagian Pembangunan Kontraktor dan Usahawan (BPKU) Negeri Sembilan



Kuala Lumpur

11 September 2017

Sesi townhall bertajuk Mekanisme Mewajibkan Penggunaan Kaedah IBS dalam Industri Pembinaan anjuran KKR dan KPKT bersama penggiat industri binaan swasta



Kompleks Kerja Raya, Kuala Lumpur

9 November 2017

Majlis meraikan para pesara KKR 2017 bersama YBhg. Dato' Sri Zohari Akob, Ketua Setiausaha KKR





**Kompleks Kerja Raya,
Kuala Lumpur**

6 Oktober 2017

Kembara Bahasa Kementerian Kerja Raya 2017 ke Kuantan Pahang dilepaskan oleh Ketua Setiausaha KKR



**Dewan Tan Sri Mahfoz
Khalid, Kuala Lumpur**

23 November 2017

Majlis Sambutan Bulan Bahasa Kebangsaan Peringkat Kementerian Kerja Raya 2017 dihidupkan dengan pertandingan deklamasi sajak dan pertandingan nyanyian lagu puisi berkumpulan





TWITTER

Sep 2017 - 30 days

Top Tweet earned 10.9K impressions
KKR terima aduan bhubung kes penipuan kontrak mgunakan nama YBM @PetraJayaMP. Susulan itu satu laporan polis telah dibuat hari ini.
pic.twitter.com/iXxvIT33gv

Top mention earned 635 engagements
JKR Malaysia @JKRMalaysia Sep 6
Infografik kefahaman Asas Komponen Jambatan dan Pembentung #negaraku #InfraRakyat @RoslanMdTaha @PetraJayaMP @MOWorks
pic.twitter.com/xWdn0PLBLZ

Top Follower followed by 33.6K people
MITI Malaysia @MITIMalaysia

Top media Tweet earned 5,244 impressions
"Government Lead by Example" dalam memacu perkembangan industri pengurusan fasiliti di negara kita pada masa kini. @ZohariAkob @JKRMalaysia
pic.twitter.com/iT8G2JjBR

SEP 2017 SUMMARY

Tweets	128	Tweet impressions	253K
Profile visits	3,334	Mentions	989
New followers	266		

Oct 2017 - 31 days

Top Tweet earned 9,277 impressions
KKR terima Sijil Anugerah Penarafan 5 Bintang Standard Psikologi Sumber Manusia dim Majlis Perasmian Persidangan Psikologi Modal Insan 2017
pic.twitter.com/Wuk5CI6e8

Top mention earned 9,952 engagements
JKR Malaysia @JKRMalaysia Oct 2
@PetraJayaMP @RoslanMdTaha @tkpinfra @Zulakmal8 @RakanKKR @MOWorks Dimaklumkan jajam baru Rawang By-Pass BELUM DIBUKA utk awam #InfraRakyat
pic.twitter.com/WuF8A1Hsde

Top Follower followed by 66.2K people
Zhar Hamid @zharhamid

Top media Tweet earned 6,616 impressions
Pan Borneo Sarawak Highway #efficientconnections at #LBA S2017 application of BIM in construction Lebuhraya Pan Borneo Sarawak @PetraJayaMP
pic.twitter.com/A4y80BPFQ1

OCT 2017 SUMMARY

Tweets	225	Tweet impressions	346K
Profile visits	6,517	Mentions	1,678
New followers	302		

Nov 2017 - 30 days

Top Tweet earned 13.8K impressions
PEMANSUHAN KUTIPAN TOL BAGI 4 BUAH TOL BERMULA 1 JANUARI 2018 #Bajet2018 @NajibRazak @PetraJayaMP @Rosnah_AR5 @ZohariAkob @saranidollah
pic.twitter.com/1NlyRRrtq4

Top mention earned 5,708 engagements
JKR Malaysia @JKRMalaysia Nov 28
Kenyataan Media Pembukaan Jalan Pintas Rawang (Rawang Bypass) @PetraJayaMP @ZohariAkob @RoslanMdTaha @MOWorks @RakanKKR #InfraRakyat #NegaraKu
pic.twitter.com/netn18ntg2

Top Follower followed by 47.2K people
MALAYSIA WEDDING PHOTOGRAPHER HAKAM PHOTOGRAPHY @hakamstudio

Top media Tweet earned 8,317 impressions
Saksikan YBM @PetraJayaMP dalam Program Dialog bertajuk Bajet 2018 ; Infra Rakyat di @tv1_rtm jam 9 30 malam ini #Bajet2018 #InfraRakyat
pic.twitter.com/Dwp2Jz9Shc

NOV 2017 SUMMARY

Tweets	191	Tweet impressions	264K
Profile visits	4,249	Mentions	1,946
New followers	192		

Dec 2017 - 31 days

Top Tweet earned 17.5K impressions
5 HARI LAGI Pemansuhan Plaza Tol : @ Batu Tiga, Selangor @ Sungai Rasau, Selangor @ Bukit Kayu Hitam, Kedah @ EDL, Johor
#Mansuh4Tol adalah inisiatif kerajaan melalui #Bajet2018 Terima kasih @NajibRazak @Zahid_Hamidi @PetraJayaMP @Rosnah_AR5 @LLMKP
pic.twitter.com/vFqsknQ2cb

Top mention earned 1,008 engagements
LLM @LLMmalini Dec 28
KENYATAAN MEDIA TIADA LAGI KUTIPAN TOL UNTUK EDL MULAI 1 JANUARI 2018 DI PLAZA TOL BANGUNAN SULTAN ISKANDAR @MOWorks @PetraJayaMP @Rosnah_AR5 @LLMKP @LLMInfotrafik @RakanKKR
pic.twitter.com/2w50JdXU8

Top Follower followed by 219K people
Travis Wright @traviswright

Top media Tweet earned 12.2K impressions
3 HARI LAGI Pemansuhan Plaza Tol : @ Batu Tiga, Selangor @ Sungai Rasau, Selangor @ Bukit Kayu Hitam, Kedah @ EDL, Johor
#Mansuh4Tol adalah inisiatif kerajaan melalui #Bajet2018 Terima kasih @NajibRazak @Zahid_Hamidi @PetraJayaMP @Rosnah_AR5 @LLMKP
pic.twitter.com/pht1Tp4SZ

DEC 2017 SUMMARY

Tweets	102	Tweet Impressions	299K
Profile visits	3,873	Mentions	1,223
New followers	213		



FADILLAH YUSOFF (tiga dari kanan) bersama Husein Muhammad (dua dari kiri) melihat projek pembinaan jalan baharu dari FT092 di Pusat Latihan Teknikal di Pengang, Johor, semalam. - UTUSAN/NUR AISYAH MAZLAN

Naik taraf lebuh raya

Utah MOHD. KHARUD, MOHD. ALI
KERAJAAN bakal menaik taraf sebahagian jalan di Lebuh Raya Senai Desaru (SDR) menjadi dua lorong bagi kedua-dua hala pada tahun depan. Menteri Kerja Raya, Datuk Seri Fadillah Yusoff berkata, projek itu akan menjadikan keseluruhan lebuh raya SDR khususnya mengahiri Desaru kepada empat lorong. Beliau berkata demikian ketika berucap merasmikan jalan baharu dari FT092 ke Pusat Latihan Teknikal (PILTA) di sini hari ini.



Zohari (kanan), Muhammad (dua dari kanan) dan Ahmad Asri (tiga dari kanan) melihat projek pembinaan jalan baharu semalam. - UTUSAN/NUR AISYAH MAZLAN

MANDATORI GUNA BAHAN BINAAN IBS

Pihak swasta diberi tempoh peralihan tiga tahun

Abul Basaruddin
Menteri Kerja Raya, Datuk Seri Zohari Akab berkata, selepas tempoh tiga tahun, sistem IBS wajib dilaksanakan pihak penaja swasta kerana ia adalah tunjang dalam mewujudkan perniagaan dan penanaman modal. Beliau berkata, pihak swasta akan diberi tempoh peralihan selama tiga tahun bermula tahun ini. Beliau berkata, pihak swasta akan diberi tempoh peralihan selama tiga tahun bermula tahun ini. Beliau berkata, pihak swasta akan diberi tempoh peralihan selama tiga tahun bermula tahun ini.

Harap Bajet 2018 turun cukai jentera IBS

Kuala Lumpur: Kerajaan diharapkan mengurangkan kadar cukai jentera dan mesin digunakan bagi pembinaan projek berasaskan Sistem Pembinaan Industri (IBS) kepada lima hingga sifar peratus menjelang pembentangan Bajet 2018 pada Oktober ini. Ketua Eksekutif Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (CIDB) Malaysia, Datuk Ahmad Asri Abdul Hamid berkata, pada masa ini kadar cukai jentera IBS dikenakan pada pelbagai kadar dan boleh mencapai hingga 20 peratus.

"Langkah ini menggalakan penggunaan mesin dan jentera dalam industri pembinaan IBS sekali gus mengurangkan keberuntungan kepada tenaga asing pada masa depan," katanya pada taklimat media Jabatan Kerja Raya (JKR) Menucaru Transformasi Pembinaan Melalui Projek Awam, di sini, semalam. Hadir sama Ketua Pengarah JKR, Datuk Seri Ir Dr Roslan Md Taha dan Timbalan Ketua Pengarah Sektor Bangunannya, Kamaludin Abdul Rashid. Beliau berkata, pengurangan cukai itu penting kerana ia membolehkan lebih banyak syarikat membeli mesin dan jentera baru

14 SEPTEMBER 2017

yang bersesuaian dengan IBS kerana pada masa ini keba nyakan syarikat membeli mesin dan jentera terpaksa yang lazimnya bermasalah. "Saya akui ada pengurangan kadar cukai sehingga lima peratus namun ia hanya membabitkan sebahagian mesin dan jentera IBS saja. Oleh itu, saya berharap pengurangan kadar cukai ini meliputi lebih banyak mesin dan jentera IBS," katanya. Sebelum ini, kerajaan berhasrat menjadikan IBS keperluan mandatori kepada penaja hartanah swasta dan diberikan tempoh peralihan tiga tahun bermula tahun ini bagi memastikan pelaksanaan sistem pembinaan mengikut standard baik, sekali gus membantu mengawal harga rumah di pasaran.

Beliau berkata, teknologi IBS melibatkan penggunaan lebih tinggi bahan binaan, sementara itu, penggunaan IBS akan membolehkan lebih banyak syarikat membeli mesin dan jentera baru yang bersesuaian dengan IBS kerana pada masa ini keba nyakan syarikat membeli mesin dan jentera terpaksa yang lazimnya bermasalah. "Saya akui ada pengurangan kadar cukai sehingga lima peratus namun ia hanya membabitkan sebahagian mesin dan jentera IBS saja. Oleh itu, saya berharap pengurangan kadar cukai ini meliputi lebih banyak mesin dan jentera IBS," katanya. Sebelum ini, kerajaan berhasrat menjadikan IBS keperluan mandatori kepada penaja hartanah swasta dan diberikan tempoh peralihan tiga tahun bermula tahun ini bagi memastikan pelaksanaan sistem pembinaan mengikut standard baik, sekali gus membantu mengawal harga rumah di pasaran.

CIDB cadang peruntukan RM500j



Ahmad Asri (tiga dari kanan) dan Roslan (tiga dari kiri) melihat media briefing Jabatan Kerja Raya (JKR) mengenai transformasi media semalam. - UTUSAN/NUR AISYAH MAZLAN

MEDIA BRIEFING: JKR DRIVING CONSTRUCTION TRANSFORMATION THROUGH PUBLIC PROJECTS 14 SEPTEMBER 2017 (THURSDAY) JOHOR/KEDAH BANGSAU, LEVEL 2, PWTC

KUALA LUMPUR - Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (CIDB) bersetuju meluluskan peruntukan RM500 juta pada Bajet 2018 yang bakal dibentangkan dalam tempoh tiga minggu menjelang Sistem Pembinaan Industri (IBS). Ketua Eksekutif Lembaga, Datuk Ir Ahmad Asri Abdul Hamid berkata, jumlah tersebut akan dipisahkan dalam pembentangan bagi pengurangan dan kemestoran IBS dalam projek projek awam di Pusat Pengajian dan Penyelidikan Pembangunan (PWTC). "Dengan adanya sara pembangunan ini, diharapkan lebih ramai pengeluar dan kontraktor IBS mampu membekalkan projek projek awam bagi projek projek awam di Pusat Pengajian dan Penyelidikan Pembangunan (PWTC) semalam. Ahmad Asri berkata, skim pembangunan tersebut juga sesuai bagi meningkatkan taraf projek projek awam di Pusat Pengajian dan Penyelidikan Pembangunan (PWTC) untuk mencapai standard kualiti tertinggi. "Skim pembangunan ini sesuai



JALAN Pintas Rawang sepanjang sembilan kilometer akan dibuka kepada pengguna mulai pukul 6 pagi hari ini. - UTUSAN/NUR AISYAH MAZLAN

Jambatan tertinggi di Malaysia mula beroperasi hari ini

JALAN Pintas Rawang di Selangor sepanjang sembilan kilometer dan merupakan jambatan tertinggi di Malaysia akan dibuka kepada orang ramai mulai pukul 6 pagi hari ini. Jajaran baharu itu dijangka dapat memberi manfaat kepada kira-kira 30,000 pengguna setiap hari dan sekali gus mengurangkan 50 peratus kesesakan jalan raya serta memendekkan masa perjalanan pengguna dari Serendah ke Selangor. "Jika sebelum ini, pengguna mengambil masa hingga dua jam pada waktu puncak, kini mereka hanya memerlukan kurang daripada 30 minit untuk ke destinasi sama," kata Menteri Kerja Raya, Datuk Seri Fadillah Yusoff pada majlis perasmian Jalan Pintas Rawang di Tapak Projek, Jalan Pintas Rawang semalam. Projek Jalan Pintas Rawang dengan ketinggian 58.2 meter yang bernilai RM628 juta itu mula dibina pada 16 Julai 2005 sebelum siap sepenuhnya 21 November lalu.

► BERITA DI MUKA 12

800,000 pengguna empat lebuh raya di Lembah Klang dapat manfaat Diskaun tol sempena Krismas

SUBANG JAYA - Kira-kira 800,000 pengguna empat lebuh raya di bawah kendalian Kumpulan Garuda bakal menikmati tarakan diskaun tol antara 20 sen sehingga 20 sen bersempena sambutan Krismas pada 25 Disember ini. Lebuh raya terlibat adalah Lebuh Raya Shah Alam (LSA), Lebuh Raya Damansara-Puchong (LDP), Lebuh Raya Sistem Penyuaraan Trafik Kuala Lumpur Barat (Sprint) dan Lebuh Raya Syarikat Mengurus Air Banjar dan Terowong (Smart). Ketua Pegawai Eksekutif Lingkaran Trans Kota Sdn. Bhd. (Litrac), Szazally Saidi berkata, pemberian diskaun itu diberikan kepada pengguna LSA, LDP dan Sprint bermula pukul 12 tengah malam

sehingga 11.59 malam 25 Disember. "Sebanyak 60 sen diturunkan untuk pengguna LDP dan 20 sen untuk pengguna Sprint bagi semua kelas kenderaan. Kadar tol di LSA turut dikurangkan 20 sen namun hanya untuk kenderaan kelas satu. "Sementara itu bagi pengguna Smart, diskaun akan bermula pukul 6 pagi 25 Disember sehingga 6 pagi 26 Disember 2017 dengan kadar bayaran dikurangkan sebanyak 30 sen untuk kelas satu dan empat," katanya pada sidang akhbar di Kompleks Operasi Litrac, Bandar Surway di sini semalam. Turut hadir Ketua Pegawai Operasi Lebuh Raya Shah Alam (Kessas), Mohd. Shah Samin dan Ketua Pega-



SZAZALLY (barisan belakang di tengah) bergambar bersama kanak-kanak yang menerima sumbangan kelengkapan persekolahan selepas sidang akhbar di Kompleks Operasi Litrac, Bandar Surway, Petaling Jaya semalam. - UTUSAN/NUR AISYAH MAZLAN



SIDANG REDAKSI

Penaung

YBhg. Dato' Sri Zohari Haji Akob
Ketua Setiausaha KKR

Penasihat

YBhg. Datuk Sarani Bin Dollah
Timbalan Ketua Setiausaha
Pengurusan KKR

Ketua Pengarang

Pn Noreha Mohd Ripin
Ketua Komunikasi Korporat

Pengarang

Haji Shahnnon Mohamad
Fauzi Baharudin
Nur Sailsa Kamaruddin Nor Zaman
Nor Adilah Ab Ghani

Jurufoto

Mohd Faisal Bin Sahbudin
Hidayatul Sa'adiyah Binti Saad
Jurufoto Unit Komunikasi
Korporat dan Unit Perpustakaan &
Sumber Jabatan Kerja Raya


Urusetia

Unit Komunikasi Korporat
Kementerian Kerja Raya

 pro@kk.gov.my

 www.kkr.gov.my

 KKR_MALAYSIA

 03 8000 8000

 Kementerian Kerja Raya Malaysia

 @MOWorks

 Kementerian Kerja Raya Malaysia